

30/03/2003

MSDA anjur pameran Pencinta Laut dan Penyelam Malaysia, November

INDUSTRI menyelam Malaysia yang semakin rancak akan melalui satu lagi era apabila semua pengusahanya, baik pusat peranginan, pengeluaran dan pelengkap infrastrukturnya berkumpul di Pusat Pameran dan Konvensyen Mines, di sini, pada 28 hingga 30 November depan.

Walaupun tarikh itu masih jauh, namun sidang akhbar untuk mengumumkan pameran itu Khamis lalu adalah penting bagi memastikan ia mendapat sokongan padu dari semua pihak.

Di dokong kuat oleh Pengerusi Persatuan Sukan Menyelam Malaysia (MSDA), Mukhriz Mahathir, ekspo dan pameran Pencinta Laut dan Penyelam Malaysia (DiveX) diharap dapat meningkatkan penyertaan penduduk tempatan dalam industri menyelam.

Mukhriz berkata, pameran dan ekspo menyelam antarabangsa termasuk yang terunggul, Pameran Menyelam (DEMA) telah beberapa kali diadakan di tanah air, bagaimanapun ia lebih banyak disertai peserta antarabangsa.

"Kejayaan kita menganjur DEMA Asia pada 1997 dan 1999 dan ADEX pada 2001, lebih banyak memberi tumpuan kepada peserta antarabangsa, kemampuan pakar tempatan tenggelam di sebalik nama gah penyelam antarabangsa.

"Justeru, pada 2003 MSDA akan menggunakan pengalaman berharga itu untuk menganjurkan DiveX 2003, iaitu khusus untuk pencinta laut dan penyelam Malaysia. Kami akan mempamerkan peralatan dan teknologi terkini dalam dunia selaman, lokasi dan pusat peranginan terbaik untuk pencinta dasar laut dan pelbagai perkara lain membabitkan dunia selaman," katanya.

Pameran yang memang sengaja diadakan pada musim tengkujuh iaitu di kala majoriti pusat selaman tempatan akan ditutup, juga akan mempersembahkan kajian membabitkan perlindungan kepada ekologi marin negara.

"Ini adalah antara sumbangan kami untuk memastikan suasana dan ekologi dasar laut negara akan sentiasa terpelihara," katanya.

Beliau berkata, dengan keadaan politik dunia yang semakin tidak menentu sekarang, MSDA berasa ini adalah masa terbaik untuk mempromosi dan menggalakkan pencinta dasar laut untuk lebih jauh menjelajah lokasi di dalam negara.

DiveX 2003 yang akan mendapat kerjasama dari Jabatan Perikanan Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, juga disokong oleh pertubuhan menyelam antarabangsa termasuk PADI, NAUI, SSI dan BSAC.

Mereka yang berminat menyertai pameran ini boleh menghubungi Call Strategic Creative Sdn Bhd, 30 Jalan BU 3/6, Bandar Utama, 47800, Petaling

Jaya atau email: divex@callstrategic.com.